



Fakta  
nombor

RM450

bantuan  
bulanan  
daripada  
Pejabat Zakat  
Daerah  
Kubang Pasu

Gambar Md Radzi yang menjadi viral di laman sosial.

# Selesa tinggal di pondok buruk

➔ Pernah  
tolak tawaran  
bantuan  
rumah KEDA

Oleh Mohd  
Sharumnisham  
Shahbudin  
bhnews@bh.com.my

► Jitra

**P**asangan yang didakwa hidup daif di sini dan keadaan kehidupannya disebar dalam media sosial memang memilih untuk tinggal di pondok buruk dan tidak pernah menyalahkan mana-mana pihak.

Md Radzi Baharom, 60, berkata beliau dan isteri, Norain Zakaria, 54, tinggal di pondok buruk di Kampung Malau Tengah, sedih pelbagai pihak termasuk jabatan kerajaan tertentu di-

cemuh kononnya mengabaikan kedaifan mereka.

Walaupun mengakui menerima banyak bantuan akibat penyebaran berita itu, Md Radzi berkata beliau yang tinggal di situ sejak 10 tahun lalu tidak pernah menyalahkan sesiapa sebaliknya 'selesa' tinggal di situ.

"Dulu saya bekerja di ladang kambing milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di sini, tetapi diberhentikan kerana majikan mengambil warga asing bekerja.

## Peliharaan kambing

"Kini, saya hanya memelihara beberapa ekor kambing sebagai sumber pendapatan," katanya.

Md Radzi menerima bantuan bulanan RM450 daripada Pejabat Zakat Daerah Kubang Pasu, malah isterinya dan seorang anak lelaki mereka yang tinggal bersama, bekerja dengan E-Idaman Sdn Bhd, masing-

masing menerima pendapatan RM900 sebulan.

Kisah pasangan itu menarik perhatian selepas foto kediaman usang mereka dimuat naik ke laman sosial oleh pihak tertentu.

Md Radzi mengakui pernah ditawarkan bantuan rumah penempatan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), tetapi menolak kerana ingin tinggal di pondok terbabit bersama isteri dan dua anak lelakinya termasuk yang masih bersekolah di Tingkatan Empat.

"Kami bernasib baik kerana Pejabat Perkhidmatan Veterinar membenarkan menumpang di tanah rizab padang ragutnya dan kami tidak tergerak untuk berpindah," katanya.

Beliau juga pernah menerima Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar pada 2015 di Perlis kerana menjaga emaknya yang sakit, namun dihentikan selepas ibunya meninggal.